

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	06 DECEMBER 2016

Tindakan dianggap mengkhianati orang Melayu

KUALA LUMPUR 5 Dis. - Tindakan terbaharu bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad yang sanggup menghadiri Persidangan Kebangsaan DAP 2016 dianggap sebagai suatu bentuk pengkhianatan terhadap orang Melayu.

Ini kerana selama 22 tahun pentadbirannya, Dr. Mahathir merupakan individu yang bertanggungjawab menyuntik rasa 'benci' orang Melayu terhadap DAP, tetapi akhirnya, beliau sendiri duduk sepentas dan memuji kepimpinan parti tersebut.

Disebabkan itu, Ahli Majlis Tertinggi UMNO, **Datuk Abdul Rahman Dahlan** menggesa Dr. Mahathir membuat permohonan maaf secara terbuka kepada orang Melayu dengan semua 'penipuan' mengenai DAP yang telah beliau buat sepanjang tempoh mentadbir negara, apatah lagi bekas Presiden UMNO itu kini dilihat 'mengagumi' pula parti itu.

"Sepanjang 22 tahun mentadbir negara, Dr. Mahathir telah memburuk-burukkan DAP, tetapi kini secara tiba-tiba, beliau memuji pula parti itu.

"Saya kesal dengan tindakan Dr. Mahathir yang telah berubah pendiriannya sehingga sanggup bersekongkol dengan parti yang suatu ketika dulu merupakan sasaran kritikan beliau," kata Abdul Rahman ketika dihubungi di sini hari ini.

Seorang lagi Ahli Majlis Tertinggi UMNO, **Datuk Dr. Mohd. Puad Zarkashi**, mengingatkan Dr. Mahathir supaya tidak terlalu kagum dengan 'semangat' nasionalisme

yang ditampilkan DAP kerana strategi serupa pernah dipraktikkan oleh PAP Singapura suatu ketika dulu.

"Lagu kebangsaan Singapura adalah dalam bahasa Melayu, tetapi apa terjadi kepada orang Melayu akibat daripada dasar Malaysian Malaysia yang diamalkan di Singapura?"

"Dasar yang sama inilah digunakan oleh DAP, mereka memperjuangkan Malaysian Malaysia atau ketika ini dikenali sebagai Middle Malaysia. Itu berlawanan dengan Perlembagaan Persekutuan berkaitan dengan hak keistimewaan orang Melayu dalam Fasal 153," jelas beliau.

Hakikat yang sama diakui seorang lagi Ahli Majlis Tertinggi UMNO, **Datuk Shamsul Anuar Nasarah** yang turut menzahirkan ucapan tahniah kerana pada akhirnya DAP berjaya 'memperbodohkan' Dr. Mahathir sehingga bukan sahaja sanggup bekerjasama, sepentas tetapi memuji pula parti yang men-

jadi seteru utama beliau suatu ketika dulu.

Tegas Shamsul Anuar, tindakan Dr. Mahathir memuji kepimpinan DAP seolah-olah merekalah yang telah menaikkan beliau menjadi pemimpin negara selama 22 tahun.

"Paling jelas, DAP telah berjaya menggunakan Dr. Mahathir untuk membantu 'membersihkan' imej mereka di mata orang Melayu.

"Hakikatnya, Dr. Mahathir telah menelan semua perkara buruk yang diungkapkan beliau terhadap DAP selama lebih 22 tahun, demi menjayakan matlamat peribadinya. Ini merupakan suatu pengkhianatan terhadap bangsa Melayu," tegas beliau.



ABDUL RAHMAN



MOHD. PUAD



SHAMSUL ANUAR

UM- 6/12/2016